

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1970**

**PERUBAHAN CUKAI TERHADAP TANAH BANDAR ATAU
TANAH PEKAN KECIL DIPEGANG DI BAWAH
GRANT ATAU CERTIFICATE OF TITLE YANG TERTAKLUK
KEPADA SYARAT NYATA PERTANIAN**

Adalah didapati bahawa tanah-tanah yang terletak di dalam Bandar atau Pekan Kecil di pegang di bawah Grant atau Certificate of Title yang tertakluk kepada syarat nyata pertanian telah dikenakan cukai perubahan bagi lot-lot bangunan yang telah diluluskan itu. Ini adalah tidak selaras dengan peruntukan seksyen 53(1) Kanun Tanah Negara.

2. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diingatkan bahawa tanah di dalam Bandar atau Pekan Kecil dipegang di bawah Grant atau Certificate of Title yang tertakluk kepada syarat nyata pertanian dan tidak digunakan untuk maksud bangunan hendaklah hanya dikenakan cukai perubahan bagi tanah pertanian sahaja. Kadar cukai perubahan yang baru bagi maksud-maksud rumah kediaman, perniagaan dan perusahaan terhadap tanah di dalam Bandar atau Pekan Kecil, dipegang di bawah Grant atau Certificate of title hanya boleh dikenakan terhadap tanah-tanah yang tidak boleh tertakluk kepada syarat pertanian.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL 0.223 (76)

KUALA LUMPUR
3HB FEBRUARI 1970